



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN CAWANGAN KEDAH

# GURU KEDAH

128-C, Kompleks Alor Star, Lebuhraya Darul Aman, 05100 Alor Star, Kedah Darul Aman.  
Tel : 04-731 1029, 04-734 0435, 04-441 4119      Fax : 04-734 0716, 04-441 5118  
E-mail : kppkedah@streamyx.com

UNTUK AHLI KPPK SAHAJA

MEI 2007

## PERAYAAN HARI GURU UNTUK SIAPA ?

### KESATUAN GURU

Tidak lama lagi akan munculanglah hari guru iaitu pada 16 Mei. Hari tersebut kiniannya dikatakan hari di mana masyarakat memberi penghargaan kepada guru kerana jasa-jasa yang telah ditabur. Beberapa perayaan akan diadakan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan juga peringkat sekolah.

Di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah beberapa orang pesara guru akan dinobatkan sebagai tokoh guru di samping beberapa anugerah lain yang hanya dinikmati oleh segelintir guru dan orang-orang tertentu.



Namun hakikat sebenarnya, hari tersebut tidak seindah cerita yang digambarkan oleh media-media masa. Di sebalik susunan cerita indah itu terselit lagu duka yang menjadi siulan kebanyakan guru. Menjelang hari tersebut, ketika sambutan meriah diadakan di peringkat kebangsaan, hanya segelintir guru dijemput, itu pun duduk di kerusi belakang sahaja sebaliknya di barisan hadapan yang menduduki kerusi empuk dalam majlis tersebut bukanlah guru.

SELAMAT  
HARI GURU



Guru-guru yang dijemput diberi makan ala sahaja, sebaliknya orang-orang tertentu makan di meja utama sambil dilayan oleh pelayan begitu hebat. Segelintir guru yang hadir hanya mermandang dengan rasa sayu. Keadaan ini hampir sama berlaku ketika sambutan di peringkat negeri. Namun begitu di negeri Kedah, kerajaan negeri agak prihatin terhadap guru dan JPN Kedah kerana setiap tahun memberi sumbangan ketika sambutan Hari Guru.

Di peringkat daerah, sambutannya hampir sama dengan peringkat negeri. Namun begitu ada anugerah yang menjadi bahan ketawa guru-guru dan

ada juga anugerah yang menjadi kesangsian. Guru-guru yang bersara diberikan sijil yang bernilai lebih kurang RM 1 dalam anugerah JASAMU DIKENANG setelah memberi khidmat lebih kurang 30 tahun. Ada pesara guru yang tertanya-tanya untuk apa sijil ini dan ada yang menjawab untuk dinilai oleh malaikat dalam kubur nanti.

Di peringkat sekolah, guru-guru syok sendiri menyambut hari mulia ini. Ada sekolah yang menjemput waris, namun selalunya tiada pun terlibat waris yang turut sama dalam sambutan ini. Lebih malang lagi ada waris yang melarang anak-anak mereka ke sekolah pada hari ini kerana menganggap membuang masa dan belanja sahaja.

Kesimpulannya, sambutan Hari Guru di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah memakan belanja yang begitu besar di samping pengorbanan tenaga guru yang begitu banyak, berbanding faedahnya kepada guru-guru pada hari yang sepatutnya mereka diraikan.

Oleh itu NUTP Kedah mencadang supaya Hari Guru hanya disambut di peringkat sekolah sahaja tidak di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah kerana terdapat unsur-unsur penghinaan terhadap guru. Jika kita ingin mengadakan sambutan tersebut di peringkat kebangsaan, kita mengalu-alukan, tetapi jangan kutip cukai kepala kepada guru-guru dan jangan sampai guru-guru terasa mereka diperlekehkan pada hari tersebut.



### SALAM SEJAHTERA.

Kes jenayah melibatkan pelajar sekolah sangat menggerunkan. Walaupun ada sibua akal mengatuk perangkaannya masih kecil tidak sampai 1%,

tetapi bolehkah kita bayangkan betapa sengsaranya mangsa yang dibelasahkan secara beramai-ramai sebelum beliau menemui ajalnya dalam keadaan dia tidak mampu melawan. Cuba kita bayangkan alangkah sakitnya mangsa ketika dipukul oleh beberapa tangan dari ditendang bertubi-tubi oleh kaki yang tidak berperikemanusiaan. Ahngkah kejamnya! Inilah pelajar kita hari ini.

Apabila tragedi ini berlaku, masyarakat kita saling menuing jari menyalahkan orang itu dan

orang ini. Walaupun kita semua sedar orang yang paling bersalah ialah ibu bapa, namun yang pasti dikenakan hukuman ialah cikgu, seolah-olah segala punca kebejatan sosial pelajar kita hari ini adalah berpunca daripada kegagalan cikgu menjalankan tugasnya.

Sedangkan masyarakat bahawa cikgu menjalankan tugasnya seperti yang diarahkan "saya yang menurut perintah"? Cikgu telah diberikan acuan berserta segala bahan untuk membentuk kuehnya. Kitu mencedok bulat-bulat teori-teori pendidikan yang dikaji oleh pakar-pakar psikologi dari barat yang tidak sesuai dengan nilai ketimuran kita.

Apabila sesuatu dasar Pendidikan hendak diubahsuai, dikaji atau dilaksanakan, maka kerajaan kita khasnya KPM akan menghantar Pegawai-pegawai Kanan atau pakar-pakar kita ke negara-negara barat atau Eropah meninjau untuk meniru apa yang mereka buat. Lalu diubahsuai ikut kehendak orang tertentu di negara kita dan terus dilaksanakan walaupun mendapat protes daripada guru-guru. Apabila gagal, guru dianggap tidak memahami dasar tersebut malah tidak mampu melaksanakan tugasnya.

Ketidakjujuran pihak atasan dalam melaksanakan sesuatu program juga merupakan punca kebejatan sosial pelajar-pelajar kita. Sebagai contoh program "memperkasakan sekolah kebangsaan". Kebanyakan sekolah kebangsaan ini menghadapi masalah kesesakan dalam bilik darjah, bukan masalah tidak cukup komputer. Andainya kita ingin memperkasakan sekolah kebangsaan, tambahkan jumlah bilik darjah, agar pelajar dapat belajar dengan selesa. Andainya jumlah pelajar sekolah kebangsaan tidak melebihi 25 orang bagi setiap kelas, P&P dapat dijalankan dengan sempurna dan sudah pasti kita dapat mengatasi masalah kenakalan anak-anak kita ini.

NUTP Kedah mencadangkan agar tindakan juga diambil terhadap pihak tertentu apabila berlaku kes jenayah melibatkan pelajar bukan terhadap guru sahaja.

### "BERSATU TEGUH BERCERAI ROBOH"

Saudara Othman Bin Hamid, BKM  
Pengerusi KPPK Kedah

## Kempen Keahlian Fasa 2

Mulai 1 April 2007 hingga 31 March 2008

KPPK Kedah akan memberi ganjaran kepada ahli yang dapat merekrutkan ahli baru mengikut kadar berikut:

3 - 5 orang ahli = 1 helai T-shirt / 1 Tuala NUTP \*  
6 - 9 orang ahli = 2 helai T-shirt / 2 Tuala NUTP \*  
10 orang ahli dan ke atas = RM5.00 untuk setiap ahli baru yang direkrutkan.  
\* sementara stok masih ada  
\* Hadiah diberi kepada pencadang sahaja



**SALAM HORMAT.**  
Masa berlalu dengan begitu pantas, dalam tempoh 6 bulan keahlian kita telah mencapai angka 14,000 orang di negeri Kedah. Ini merupakan satu usaha yang gigih oleh semua ahli kita. Pada tahun

ini, satu Kempen Keahlian secara besar-besaran akan berlangsung di peringkat Kebangsaan, dengan slogan "JOM MASUK NUTP". Dalam masa yang sama NUTP Kedah melancarkan Kempen Keahlian Fasa ke-2 iaitu mulai 1.4.2007 hingga 31.3.2008. Rebutlah peluang ini dan perjuangkan hak-hak guru.

Sejak akhir-akhir ini, ada sekumpulan orang telah menggunakan nama NUTP untuk menjual insuran, NUTP dengan tegasnya ingin menyatakan bahawa NUTP tidak pernah melantik sesiapa menjadi agen insuran NUTP kecuali TONY NG ASSOCIATES. NUTP juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang urusniaga oleh kumpulan itu. Untuk makluman, NUTP hanya menawarkan insuran berikut; MUI (Insuran Kermalangan), Livin Pay / Dana Restu (Insuran 36 Jenis Penyakit oleh Great Eastern), Health Care (Kad Kesihatan oleh Great Eastern), Tokio Marine

(Insuran isi rumah). Semua pembayaran jualan ini hendaklah melalui BPA atau di kaunter servis NUTP dengan cek.

Manakala isu kenaikan pangkat Time-based dan Hakiki pula dikaitkan dengan iso kecinciran/ketinggalan. Kita haruslah lebih proaktif untuk memastikan segala prosedur/dokumen yang dikhendaki dipatuhi. Saudara /saudari perlulah memaklumkan dengan segera kepada pejabat NUTP jika tercicir. NUTP telah mendapat persetujuan dengan pihak JPN bahawa kita boleh mempertimbangkan dasar pertukaran suka sama suka dengan syarat opsyennya adalah sama.

Seterusnya isu pelaksanaan bekerja lima hari seminggu selalu menjadi rungutan kaum guru. Mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8/2005, Ketua Jabatan boleh melaksanakan program pendidikan (akademik dan Kokurikulum) pada mana-mana hari Sabtu dengan syarat TIDAK melebihi dua kali Sabtu dalam sebulan. Malangnya semua hari Sabtu dipenuhi dengan aktiviti sekolah, PPD dan JPN. Ibarat "Kera di hutan disusui, anak dipangku dibiarakan", NUTP sedang berjuang di atas isu ini. Mana-mana sekolah yang melanggar pekeliling tersebut, sila lapor kepada NUTP.

### "BERSATU KITA BERJAYA"

Saudara Wang Heng Suan, BKM  
Setiausaha Kehormat KPPK Kedah

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN  
4 TAHUN 2007**  
**PEMBERIAN SUBSIDI YURAN**  
**PENGASUHAN TAMAN ASUHAN**  
**KANAK-KANAK DI TEMPAT KERJA**  
**SEKTOR AWAM**

### PELAKSANAAN

Pegawai yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,000.00 sebulan dan menghantar anak atau anak-anak mereka ke TASKA layak memohon subsidi yuran pengasuhan TASKA.

### TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 April 2007.

## KENAPA PILIH KPPK ?



### KPPK MERUPAKAN:

- ❖ Kesatuan sekerja yang terbesar di Malaysia
- ❖ Kesatuan yang terbesar dalam Perkhidmatan Awam
- ❖ Kesatuan guru yang tunggal di dalam CUEPACS
- ❖ KPPK menganggotai Majlis Bersama Kebangsaan.
- ❖ Pengasas Asean Convention of Teachers (ACT)
- ❖ Anggota tunggal dari Malaysia dalam Education International
- ❖ Ia juga mempuayai suara di UNESCO, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan lain-lain agensi melalui Education International
- ❖ Satu-satunya Kesatuan yang mempunyai cawangan di setiap negeri di Semenanjung Malaysia dan dibantu oleh 60 orang kakitangan / sepenuh masa.



### APAKAH KEMUDAHANNYA?

- ❖ Pelantikan
- ❖ Pengesahan jawatan
- ❖ Kenaikan pangkat
- ❖ Pertukaran
- ❖ Gaji
- ❖ Cuti
- ❖ Pencen
- ❖ Kejanggalan dalam perkhidmatan
- ❖ Kes disiplin guru
- ❖ Beban tugas
- ❖ Persengketaan dengan pihak atasan
- ❖ Kebajikan
- ❖ Bantuan guaman dan khidmatan nasihat KPPK sedia membantu



### KPPK JUGA MENYEDIAKAN:

- ❖ Insuran Kelompok
- ❖ Koperasi KPPK Berhad
- ❖ Tabung Khairat Kematian (TKK)
- ❖ Pusat maklumat
- ❖ Majalah Guru Malaysia
- ❖ Menganjurkan seminar, taklimat, kursus, bengkel dan lawatan sambil belajar.



### APAKAH KEJAYAANNYA?

KPPK telah berjaya mendapat, antara lain, kemudahan asas bagi kaum guru hasil daripada tindakan perusahaan "Historic Strike" oleh NUT pada tahun 1965-1967. Kemudahan asas yang dimaksudkan adalah seperti:

- Jawatan tetap dan berpencen
- Perumahan
- Perubatan
- Pariti gaji
- Gaji sama bagi guru wanita



### KEJAYAAN KPPK/ NUTP YANG LAIN UNTUK KAUM PENDIDIK:

- ❖ Jawatan tetap dan berpencen
- ❖ Kemudahan perubatan/ perumahan
- ❖ Gaji sama bagi guru wanita
- ❖ Pariti gaji
- ❖ Status guru dari kumpulan C kepada kumpulan B
- ❖ Baiki nisbah guru/ murid
- ❖ Cuti sambilan / cuti perkahwinan
- ❖ Kelonggaran syarat lulus Peperiksaan Am
- ❖ Gaji Dua Skim
- ❖ Peluang Kenaikan Pangkat
- ❖ Kadar eluan tanggungjawab
- ❖ Peluang masuk universiti
- ❖ Kelonggaran syarat lulus Bahasa Malaysia
- ❖ Hadiah Pergerakan Gaji (HPG)
- ❖ Guru Pakar/ Cemerlang
- ❖ Kadar eluan warden
- ❖ Penempatan dan status guru PJJ

- ❖ Gaji bagi guru sandaran terfatih yang cuti bersalin
- ❖ Peningkatan Sijil Perguruan Asas ke taraf Diploma
- ❖ Imbuhan tetap keraian
- ❖ Tempoh cuti belajar tanpa gaji diambil kira untuk tujuan faedah persaraan.
- ❖ Memendekkan tempoh kursus induksi
- ❖ Pengwujudan jawatan kaunselor di sekolah-sekolah
- ❖ Pengwujudan jawatan penolong kanan K-Kurikulum di sekolah-sekolah menengah gred A
- ❖ Penggredan sekolah-sekolah rendah dan menengah
- ❖ Rancangan pelajaran dalam buku rekad Guru. (Rekod Persedian Mengajar)
- ❖ Kenaikan pangkat secara Time-Based
- ❖ Tuntutan anomali C8 ke B10 dan B10 Ke B8
- ❖ Cuti untuk peperiksaan bagi guru-guru PJ
- ❖ Guru Biasa tidak perlu mengisi borang Sasaran Kerja Tahunan(SKT)
- ❖ Elaun Pengetua/ Guru besar
- ❖ Award Wang Tunai Ganti Cuti Rehat untuk Pengetua/ Guru Besar/Guru
- ❖ Keberkesanan Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- ❖ Perubahan ketara dalam PTK / Kursus kenegaraan.



#### APAKAH MATLAMATNYA?

KPPK, sebagai sebuah kesatuan pembela kaum guru dan pembela profesion keguruan, sentiasa prihatin terhadap perkhidmatan para guru, perhubungan perusahaan, keistimewaan khas serta lain-lain perkara berkaitan dengan profesion keguruan.

Juga meningkatkan kebaikan ahli-ahli dari segi sosial dan materiel menurut lunas undang-undang sebagai kesatuan sekerja.

Disamping membantu kaum guru memahami peranan mereka dalam memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Negara, KPPK juga berusaha meningkatkan imej dan martabat profesionalisme guru.

## Sudahkah Saudara /Saudari Menyertai Koperasi KPPK ?

Kini ia dianggaoai oleh seramai 4,000 ahli KPPK dan bakal menjadi gergasi Koperasi di Malaysia. Penyertaannya adalah mudah, hanya RM 20.00 sebulan melalui potongan BPA.

### FAEDAHNYA

- ↳ Skim Pinjaman Tergempak
- ↳ Skim Pinjaman
- ↳ Tidak perlu penjamin

Yang berminat, sila hubungi Pejabat KPPK, Cawangan Kedah.



**SDR WANG HENG SUAN MEWAKILI GURU-GURU KEDAH MENYAMPAIKAN SUMBANGAN IKHLAS SEBANYAK RM4,934.05 KEPADA TABUNG BANTUAN KEMANUSIAN UNTUK GURU-GURU DAN KANAK-KANAK DI LEBANON PADA 6.8.2006 DI SEREMBAN. TERIMA KASIH BAWAH KELADI KEPADA SEMUA GURU KEDAH DALAM MENJAYAKAN KUTIPAN TABUNG TERSEBUT**

**PEMBERITAHUAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI  
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)  
GRED DGA29 KE GRED DGA32  
SECARA 'TIME-BASED' KHAS UNTUK PENYANDANG TAHUN  
2007**

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:**

- a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- b) Berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun di Gred DGA29 (dikira dari tarikh mula dilantik sehingga 31.12.2007 iaitu mereka yang dilantik pada atau sebelum 31.12.1997);
- c) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- d) Lulus semua Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) 1 atau 2 yang ditetapkan (tahun 2003 – 2006) keputusan keseluruhan sekurang-kurangnya di aras III; dan
- e) Diperaudi oleh Ketua Perkhidmatan.

**PEMBERITAHUAN URUSAN PENEMPATAN GRED DGA32 (KUP)  
UNTUK MENGISI JAWATAN HAKIKI GRED DGA32 TAHUN 2008**

**1. Syarat-Syarat Permohonan:-**

- i) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
  - ii) Menunjukkan prestasi perkhidmatan pada tahap yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatannya;
  - iii) Bebas dari tindakan / hukuman pertuduhan Tatatertib, Mahkamah, BPR atau Surcaj;
  - iv) Telah mengisyaitar harta;
  - v) Lulus Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK); dan
  - vi) Disokong oleh Ketua Jabatan.
- 1.1 Kriteria-kriteria seperti berikut juga akan diambil kira :-
- i) Pengalaman sebagai Penolong Kanan di sekolah Gred B dan Sekolah Kurang Murid (SKM) B mengikut tempoh pengalaman calon-calon;
  - ii) Sijil kursus Kepengenetauan (NPQH);
  - iii) Kelayakan akademik tambahan seperti Diploma/ Ijazah yang diperoleh semasa dalam perkhidmatan;
  - iv) Kemahiran ICT;
  - v) Pengalaman berkhidmat di kawasan pedalam mengikut tempoh dan dibayar "Bayaran Insentif Pedalam" berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2000; dan
  - vi) Sumbangan profesional / anugerah yang diterima dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

**NOTIS PENTING**

Seuna salinan untuk sebarang tuntutan yang diantar ke Pejabat Cawangan perlu disahkan dan disertai dengan salinan kad pengenalan.

**SEMAKAN KEPUTUSAN TIME-BASED (KPM)**  
**DGA 32 : 03-888 47889**  
**DG 44 : 03-888 47935**

**PEMBERITAHUAN URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI  
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)  
GRED DGA32 KE GRED DGA34 TAHUN 2008**

**1. Syarat-Syarat Permohonan:-**

- i) Telah dinalikan pangkat secara hakiki ke Gred DGA32 ataupun secara "Time-Based"
  - ii) Keutamaan akan diberikan kepada pegawai-pegawai yang telah mendapat kualian pangkat ke Gred DGA32 secara hakiki dan mempunyai pengalaman memegang jawatan pentadbiran sebagai Guru Besar / Penyelia / Penolong Kanan.
2. Semua calon di atas adalah juga tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :-
- i) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
  - ii) Menunjukkan prestasi perkhidmatan pada tahap yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatannya;
  - iii) Bebas dari tindakan / hukuman pertuduhan Tatatertib, Mahkamah, BPR atau Surcaj;
  - iv) Telah mengisyaitar harta;
  - v) Lulus peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK); dan
  - vi) Disokong oleh Ketua Jabatan.

2.1 Kriteria-kriteria seperti berikut juga akan diambil kira :-

- i) Pengalaman sebagai Penolong Kanan di sekolah Gred B dan Sekolah Kurang Murid (SKM) B mengikut tempoh pengalaman calon-calon;
- ii) Sijil kursus Kepengenetauan (NPQH);
- iii) Kelayakan akademik tambahan seperti Diploma/ Ijazah yang diperoleh semasa dalam perkhidmatan;
- iv) Kemahiran ICT;
- v) Pengalaman berkhidmat di kawasan pedalam mengikut tempoh dan dibayar "Bayaran Insentif Pedalam" berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 2000; dan
- vi) Sumbangan profesional / anugerah yang diterima dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

**PERTUKARAN SEKOLAH**

Adalah menjadi kewajipan ahli-ahli mengikut peraturan 7(2) KPK memaklumkan kepada Setiausaha Cawangan dengan segera apabila bertukar tempat bekerja.

Sila bekalkan maklumat berikut.

Nama : \_\_\_\_\_

No. Ahli : \_\_\_\_\_

No. K.P : \_\_\_\_\_

Sekolah Lama : \_\_\_\_\_

Sekolah Baru : \_\_\_\_\_

Tanda tangan : \_\_\_\_\_

## **AKTIVITI – AKTIVITI KPPK CAWANGAN KEDAH**

08.12.2006 Seminar Bahasa Cina/Bahasa Tamil/Bahasa Melayu di Peranginan Gunung Jerai disampaikan oleh Saudari Lok Yim Pheng, SUA NUTP.



23.12.2006 Taklimat CUEPACS di Alor Star berkenaan dengan Tuntutan Kenaikan Gaji Anggota Sektor Awam dan Skim Faedah Pencen Bercarum.



28.01.2007 Seminar Wanita dan Taklimat Pengurusan Stress di Pusat Perkhidmatan KPPK Sungai Petani.



08 - 10 Februari 2007 Kajian Pertengahan Penggal di Melaka.



23.02.2007 Taklimat CUEPACS di Peladang Inn, Sungai Petani berkenaan Tuntutan Kenaikan Gaji Anggota Sektor Awam dan Skim Faedah Pencen Bercarum oleh Sdr. Hj. Omar B. Osman, Presiden CUEPACS.



13.04.2007 Seminar Isu-Isu Semasa, Hadiah Insentif Pelajaran dan Hadiah Kempen Keahlian di ASRC, Alor Star.



13.04.2007 Mesyuarat AJK KPPK Kedah Kali Ke 8





13.04.2007 Gotong Royong di Pejabat oleh AJK NUTP Kedah.



23-29 April 2007 GCE Global Action Week,  
“Bersatu Untuk Hak Pendidikan Sekarang”



Pemasihat : Sdr. Othman R. Hamid, Sdr. Wong Heng Suan. Pengarung : Sdr. Mohd. Fadil Md. Ise, Sdr. Ang Cheeg Chooi

18.05.2007 Seminar Isu-Isu Semasa, Hadiah Insentif Pelajaran dan Hadiah Kempen Keahlian di SMJK Sin Min, Sungai Petani. Tahniah kepada yang berjaya.



September 2007 : Kursus Kepimpinan akan diadakan di Langkawi. (Sesiapa yang berminat, sila hubungi Cawangan Kedah.)